

## BAB YANG KEEMPAT MAKSIAT BATIN

**MAKSIAT BATIN** terletak pada hati, adapun hati tempat pandangan Allah s.w.t untuk menilai hambanya serta memberi kedudukan disisinya, adalah bergantung pada kesucian hati si hambanya itu. Sabda Rasullullah s.a.w

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورِكُمْ وَأَبْشَارِكُمْ ، وَإِنَّمَا يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ.

Ertinya: Bahawasanya Allah Taala tiada melihat segala rupa kamu dan segala badan kamu. Allah hanya memandang kepada hatimu." Diriwatkan oleh Muslim dari Ibnu Majah.

Segala anggota zahir akan menjadi baik sekiranya hati itu baik kerana segala anggota menurut apa saja yang diperintahkan oleh hati. Dari itu sangatlah mustahak dan tersangat penting untuk memperbaiki hati yang menjadi punca segala kemaksiatan dan segala kerosakkan yang berlaku di dalam dunia ini.

Sabda Rasullullah s.a.w yang diriwatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim.

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْعَةً ، إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ.

Ertinya: Sesungguhnya di dalam tubuh manusia itu ada segumpal daging, apabila baik ia nescaya baik semua tubuhnya, dan apabila rosak ia maka rosaklah semuanya, ia adalah hati.

Dari itu maksiat hati atau kerosakkan hati sangat bahaya sekali bagi kehidupan manusia di alam dunia ini dan juga membawa kesengsaraan di akhirat, dari itu hati hendaklah dibersihkan dari perkara-perkara yang kotor, sekiranya dirasa sifat-sifat yang tak baik itu berada di dalam hati hendaklah lekas-lekas berusaha untuk mengubati sifat-sifat yang keji (mazmumah) supaya tuan yang ampunya hati itu akan merasa nikmat dan bahagia dunia dan akhirat dengan memperolehi hati yang bersih dan tenteram. Firman Allah dalam ayat 88-89, surah Asy-Syu'ara':

يَوْمَ لَا يَنْفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾ إِلَّا مَنْ آتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٩﴾

Maksudnya: Hari yang tidak berguna harta dan anak melainkan barang siapa yang datang kepada Allah dengan hati yang selamat bersih dan sejahtera.

Melalui hati yang bersih dan baik saja akan subur benih-benih iman, dan akan berkesan segala kalimah-kalimah zikir dan mudah menerima segala nasihat yang baik serta hati yang bersih itu akan benar-benar tunduk di bawah perintah Allah dengan kesetiaan dan kecintaan.

## **FASAL YANG PERTAMA**

### **SANGAT BERLEBIH-LEBIHAN PADA MAKANAN**

“SANGAT BERLEBIH-LEBIHAN PADA MAKANAN” itu setengah daripada asal kejahatan kerana dengan sebab berlebih-lebihan pada makanan, maka terpaksa dikumpulkan atau dicari seberapa banyak yang terdapat. Maka akan timbul perangai tamak pada hati untuk mencari dan mengumpulkan makanan seberapa banyak untuk memuaskan hawa nafsu, maka banyaklah masa untuk mencari menyediakan dan untuk memakannya.

Akan rugilah sebahagian umur dalam mengusahakan pada makanan sahaja, sedangkan orang yang makan dengan sederhana masa pun hanya digunakan dengan sederhana dan mereka-mereka itu sama juga di dalam kehidupan, bukan dengan sebab makan banyak mereka-mereka ini akan lebih kuat lagi, bahkan dengan makan berlebih-lebihan akan menimbulkan keburukkan pada diri seperti berat untuk beribadat, lekas mengantuk tidak timbul belas kasihan dalam hati akan fakir miskin. Jelasnya tidak ada keinsafan, melemahkan otak dan mudah lupa.

Payah untuk memahami ilmu pengetahuan walhasil dengan membanyakkan makan tidak menguntungkan, bahkan kerugian yang diperolehi serta mendatangkan berbagai-bagai penyakit pada diri, maka dengan mengurangkan pada makan adalah satu latihan untuk menundukkan nafsu keinginan, menjimatkan masa dan tenaga. Dalam memperolehi makanan itu serta memadai dengan perbelanjaan yang sedikit, dengan demikian tidak menyusahkan fikiran, dalam memperbanyakkan perbelanjaan dan juga untuk mencarinya.

Dan bersabda Rasullullah s.a.w

مَا مِنْ عَمَلٍ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى مِنَ الْجُوعِ وَالْعَطَشِ.

Ertinya: Tidak ada pekerjaan yang lebih kasih Allah daripada lapar dan dahaga.

Sabdanya lagi:

أَفْضَلُكُمْ عِنْدَ اللَّهِ تَعَالَى أَطْوَلُكُمْ جُوعًا وَتَفَكُّرًا ، وَأَبْغَضُكُمْ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى كُلُّ أَكْوَلٍ شَرُوبٍ نَوْمٍ .

Ertinya: Yang lebih afdal di antara kamu pada sisi Allah Taala yang lebih lama kamu berlapar dan berfikir. Dan yang dibenci oleh Allah